



LAPORAN TAHUNAN

MAJLIS KEBANGSAAN BAGI
ORANG KURANG UPAYA
(OKU)

TAHUN 2022



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

LAPORAN TAHUNAN

MAJLIS KEBANGSAAN BAGI
ORANG KURANG UPAYA
(OKU)

TAHUN 2022

Sekretariat Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya
Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Tel: 03-80008000
Faks: 03-83232063

Diterbitkan Oktober 2023

©Jabatan Kebajikan Masyarakat. Semua hak cipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, dicetak semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau sebaliknya, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada

Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat atau hubungi:

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

ARAS 6,9-18, NO. 55,
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA
TEL: 03-8323 1656 / 03-8323 1658
FAKS: 03-8323 2094

Jabatan Kebajikan Masyarakat mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan buku ini serta mereka yang bersetuju membenarkan kami menggunakan koleksi gambar.

Dicetak dan direka bentuk oleh:

ATTIN PRESS SDN. BHD.

No. 8, Jalan Perindustrian PP4,
Taman Perindustrian Putra Permai,
Bandar Putra Permai,
43300 Seri Kembangan, Selangor.

ISI KANDUNGAN

PRAKATA	4
1.0 Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya	7
2.0 Keanggotaan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU)	11
3.0 Jawatankuasa Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya	19
4.0 Laporan Pelaksanaan Aktiviti Jawatankuasa Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU)	23
4.1 Jawatankuasa Pendaftaran	
4.2 Jawatankuasa <i>Quality Life Care</i>	
4.3 Jawatankuasa Pendidikan	
4.4 Jawatankuasa Pekerjaan	
4.5 Jawatankuasa Pengangkutan	
4.6 Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina	
5.0 Program Berkaitan Advokasi Oleh Anggota (Individu) MKBOKU	67
6.0 Sekretariat Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya	73

PRAKATA

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Allah Taala atas kejayaan Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk menghasilkan Laporan Tahunan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya bagi Tahun 2022 selari dengan kehendak Seksyen 19, Akta Orang Kurang Upaya 2008.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada semua anggota Majlis diatas komitmen yang ditunjukkan untuk pelaksanaan program dan aktiviti berkaitan sokongan, penjagaan, perlindungan rehabilitasi pembangunan dan kesejahteraan bagi Orang Kurang Upaya (OKU). Laporan Tahunan ini memuatkan aktiviti yang dijalankan oleh semua jawatankuasa di bawah Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) iaitu Jawatankuasa Pendaftaran, Jawatankuasa *Quality Life Care*, Jawatankuasa Pendidikan, Jawatankuasa Pekerjaan, Jawatankuasa Pengangkutan dan Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina.

Inisiatif baharu yang dilaksanakan oleh Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya bagi tahun 2022 adalah melalui pelaksanaan program / aktiviti OKU berkaitan advokasi/ pembangunan/ pemerkasaan oleh Anggota (Individu) seperti berikut:

Program advokasi keibubapaan OKU mental bagi melahirkan ibu bapa OKU berinfomasi dengan kerjasama anggota (Individu) MKBOKU dan program MENTARI; Persatuan Kebajikan dan Pendidikan Psikiatri Hospital Selayang, Selangor.

Objektif program ini untuk mewujudkan sokongan sosial kepada penjaga OKU mental dan melaksanakan *natural support* yang lebih efektif supaya OKU mental boleh berintegrasi semula dalam komuniti.

Program Advokasi: *Run with Me*: OKU Aktif, OKU Sejahtera dengan kerjasama Anggota (Individu) MKBOKU dan Bahagian Kaunseling & Pemerkasaan OKU Universiti Malaya.

Program ini diadakan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat bahawa OKU mempunyai hak untuk menyertai aktiviti rekreasi, santai dan sukan atas keserataan dengan orang upaya selaras dengan Seksyen 32 (1) Akta Orang Kurang Upaya 2008 dan seterusnya mengumpulkan komuniti OKU meliputi pelbagai kategori ketidakupayaan bersama ahli keluarga, rakan dan anggota masyarakat dalam satu program santai yang memberi manfaat kepada semua kerana ia menjadi salah satu saluran advokasi untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran akan kehadiran OKU sebagai sebahagian daripada masyarakat.

Dengan adanya Laporan Tahunan 2022 ini, diharapkan akan menjadi sumber rujukan kepada penyedia perkhidmatan, pembuat polisi, pelajar serta OKU sendiri dan masyarakat umumnya, kerana mengandungi pelbagai maklumat berkenaan program pembangunan dan pemerkasaan OKU yang


mengandungi pelbagai usaha dan komitmen pihak Kerajaan merentasi pelbagai kementerian dan agensi dalam menzahirkan aspirasi terhadap pembangunan OKU dan pendayaupayaan masyarakat ke arah pewujudan masyarakat inklusif dan Madani di Malaysia.

Laporan ini juga merupakan satu wacana minda OKU untuk memastikan bahawa OKU adalah sebahagian daripada komuniti yang tidak terpinggir dan tiada diskriminasi dalam mendapat layanan selaras dengan *Convention on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD)*.

Pihak sekretariat mengharapkan penyertaan yang lebih mantap daripada pelbagai kategori OKU dapat dilaksanakan dalam komuniti pada masa hadapan.

Sekretariat

Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya
Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya



1.0

MAJLIS
KEBANGSAAN
BAGI ORANG
KURANG UPAYA

1.1 LATAR BELAKANG


Penubuhan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya dilaksanakan di bawah Seksyen 3(1), Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685). Pelancarannya telah dilakukan oleh YB. Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen selaku Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada Ogos 2008. Matlamat penubuhan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya adalah selaras dengan Dasar Orang Kurang Upaya dan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022 iaitu ke arah pembangunan dan penggalakan penyertaan penuh OKU dalam masyarakat. Untuk mencapai matlamat ini, satu usaha secara kolektif telah dibuat oleh Majlis dengan menggunakan pendekatan multi sektoral dan perkongsian bijak dengan agensi berkaitan yang lain.

1.2 FUNGSI DAN PERANAN MAJLIS SEBAGAIMANA SEKSYEN 9(1), AKTA OKU 2008

- 1.2.1 Untuk menyelia pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan OKU;
- 1.2.2 Untuk membuat syor kepada Kerajaan mengenai semua aspek OKU termasuk perkara-perkara yang berhubungan dengan sokongan, penjagaan, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan OKU;
- 1.2.3 Untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan OKU dengan kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan dan sektor swasta yang berkaitan;
- 1.2.4 Untuk memantau dan menilai kesan dasar, program dan aktiviti yang dirancang untuk mencapai penyertaan penuh dan berkesan OKU dan dalam berbuat demikian boleh membuat apa-apa perkiraan dengan kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan dan sektor swasta yang berkaitan sebagaimana yang difikirkan perlu;
- 1.2.5 Untuk mengkaji semula aktiviti semua kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan dan sektor swasta yang terlibat dalam pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan OKU;
- 1.2.6 Untuk mengesyorkan kepada Kerajaan perubahan kepada undang-undang sedia ada dan juga untuk mencadangkan undang-undang baru bagi menjamin

penyertaan penuh dan berkesan OKU dalam masyarakat, termasuk untuk memudahkan kebolehaksesan;

- 1.2.7 Untuk membangunkan program dan strategi yang bertujuan untuk mendidik masyarakat dan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat, termasuk pada peringkat keluarga, berhubung dengan OKU termasuk keupayaan dan sumbangan mereka bagi menggalakkan tanggapan positif dan kesedaran sosial yang tinggi serta memupuk rasa hormat kepada hak dan maruah OKU;
- 1.2.8 Untuk menerima pakai langkah yang berkesan dan sesuai bagi menggalakkan pengiktirafan kemahiran, merit dan kebolehan OKU dan sumbangan mereka di tempat kerja dan pasaran buruh;
- 1.2.9 Untuk memupuk sikap menghormati hak OKU pada semua peringkat sistem pendidikan termasuk pada peringkat awal kanak-kanak;
- 1.2.10 Untuk menasihati Kerajaan mengenai isu ketidakupayaan termasuk perkembangan di peringkat antarabangsa;
- 1.2.11 Untuk mengumpul dan mengumpul semak data dan maklumat dan menjalankan serta menggalakkan penyelidikan yang berhubungan dengan OKU;
- 1.2.12 Untuk menggalakkan pembangunan latihan awal dan berterusan bagi golongan profesional dan kakitangan yang bekerja dalam perkhidmatan habilitasi dan rehabilitasi;
- 1.2.13 Untuk menggalakkan peluang pekerjaan dan peningkatan kerjaya bagi OKU dalam pasaran buruh dan juga bantuan dalam mencari atau mendapatkan pekerjaan atas dasar keserataan dengan orang upaya; dan
- 1.2.14 Untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri bagi pelaksanaan sewajarnya Akta ini.



2.0

KEANGGOTAAN
MAJLIS
KEBANGSAAN BAGI
ORANG KURANG
UPAYA (MKBOKU)

2.1 KEANGGOTAAN MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

Berdasarkan Seksyen 3 (2), Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya hendaklah terdiri daripada anggota berikut:

- 2.1.1 Menteri yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- 2.1.2 Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi kebajikan masyarakat yang hendaklah menjadi Timbalan Pengerusi;
- 2.1.3 Peguam Negara Malaysia atau wakilnya;
- 2.1.4 Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi kewangan;
- 2.1.5 Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi pengangkutan;
- 2.1.6 Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi sumber manusia;
- 2.1.7 Ketua Pengarah Pendidikan;
- 2.1.8 Ketua Pengarah Kesihatan;
- 2.1.9 Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan; dan
- 2.1.10 Tidak lebih daripada sepuluh orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam permasalahan dan isu yang berhubungan dengan OKU yang hendaklah dilantik oleh Menteri.

2.2 ANGGOTA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA TAHUN 2022



PENGERUSI

YB Datuk Seri Rina binti Mohd Harun
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



TIMBALAN PENGERUSI

YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff
Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



SETIAUSAHA

YBhg. Dato Shaharuddin bin Abu Sohot
Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

KEANGGOTAAN DARIPADA KEMENTERIAN/ AGENSI



YBhg. Tan Sri Idrus bin Harun
Peguam Negara



**YBhg. Datuk Seri Asri bin
Hamidin @ Hamidon**
Ketua Setiausaha
Perbendaharaan
Kementerian Kewangan



YBhg. Datuk Isham bin Ishak
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan



**YBhg. Datuk Muhd Khair
Razman bin
Mohamed Annuar**
Menanggung Tugas,
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia



**YBhg. Datuk Pkharuddin bin Hj.
Ghazali**
Ketua Pengarah Pelajaran



**YBhg. Tan Sri Dr. Noor Hisham
bin Abdullah**
Ketua Pengarah Kesihatan

ANGGOTA INDIVIDU



YBhg. Datuk Dr. Yasmin binti Hussain
Dekan Fakulti Pendidikan dan Pengajian
Liberal City University



**YH Dato Sri Megat D. Shahriman bin
Dato Zaharudin**
Presiden Majlis Paralimpik Malaysia
(MPM)



**YBhg. Dato Dr. Siti Sabzah binti Mohd
Hashim**
Ketua Perkhidmatan
Otorinolaringologi (ORL)



YBhg. Dato Dr. Ramanathan Ramiah
Ketua Pegawai Eksekutif
Yayasan Ipoh



**YBhg. Dato Maria Bernard @ Maria
Sinsoi**
Pesara Kerajaan



YBrs. Dr. Nor Hayati binti Ali
Pakar Perunding Kanan Psikiatri
(Komuniti dan Rehabilitasi)
Hospital Selayang, Selangor



YBrs. Dr. Ruzimi bin Mohamed @ Mahmood
Pengasas
Ozel Sdn. Bhd.




Encik Francis Johen anak Adam
Penasihat
Pertubuhan Orang Cacat Sarawak
(POCS) (Wakil OKU Negeri Sarawak)



Puan Eamienor Zakiah binti Md Zuki
Setiausaha Agung
Persekutuan Orang Pekak Malaysia
(MFD)



Encik Wong Yoon Loong
Pengarah Eksekutif
National Council for the Blind Malaysia
(NCBM)



3.0

JAWATANKUASA
MAJLIS
KEBANGSAAN BAGI
ORANG KURANG
UPAYA

3.1 JAWATANKUASA YANG DITUBUHKAN DI BAWAH MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

Untuk membantu Majlis melaksanakan fungsi dan peranannya, sebanyak enam (6) Jawatankuasa telah ditubuhkan. Penubuhan Jawatankuasa ini telah dibuat pada mesyuarat kali pertama yang telah diadakan pada 14 Ogos 2008.


Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:





JAWATANKUASA PEKERJAAN

Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia. Jawatankuasa ini memberi tumpuan khusus kepada isu berkaitan pekerjaan kepada OKU.




JAWATANKUASA PENGANGKUTAN

Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan. Jawatankuasa ini memberi tumpuan kepada isu-isu aksesibiliti yang berkaitan dengan pengangkutan seperti bas, keretapi, feri dan juga kapal terbang. Selain daripada itu, Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk memastikan pengangkutan awam di negara ini menyediakan kemudahan mesra OKU.



JAWATANKUASA REKA BENTUK SEJAGAT DAN ALAM BINA

Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Jawatankuasa ini memberi tumpuan kepada isu-isu aksesibiliti bangunan, ruang awam dan penggunaan peralatan atau kemudahan yang berkonsepkan universal design dalam setiap reka bentuk yang mana peralatan ini boleh digunakan oleh semua golongan masyarakat termasuklah OKU, warga emas, kanak-kanak dan ibu mengandung.



4.0

LAPORAN
PELAKSANAAN
AKTIVITI
JAWATANKUASA
MAJLIS
KEBANGSAAN BAGI
ORANG KURANG
UPAYA (MKBOKU)

4.1

JAWATANKUASA PENDAFTARAN

4.1.1 Pelaksanaan Mesyuarat

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) diadakan satu (1) kali bagi tahun 2022.
- ii. Mesyuarat Jawatankuasa Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) Bilangan 1 Tahun 2022 telah diadakan pada 21 Jun 2022.

4.1.2 Fokus Utama bagi Tahun 2022

Objektif utama penubuhan Jawatankuasa Pendaftaran OKU adalah untuk mewujudkan kerjasama antara agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan sukarela kebajikan bagi merancang dan mengenal pasti program bagi menambahkan bilangan OKU berdaftar di Malaysia. Oleh itu antara fokus utama tahun 2022 adalah:

- i. Mempergiatkan Kempen Pendaftaran OKU di peringkat negeri dan daerah;
- ii. Mengadakan pelbagai program pendampingan sosial bagi memastikan lebih ramai OKU berdaftar; dan
- iii. Mengadakan integrasi sistem SMOKU dengan sistem daripada agensi lain bagi memberi kemudahan dan sumber rujukan kepada agensi. Mensasarkan integrasi dijalankan dengan Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pengangkutan.

4.1.3 Laporan Aktiviti/ Program yang telah dilaksanakan Sepanjang Tahun 2022

4.1.3.1 Projek Rintis Pendaftaran Orang Kurang Upaya Peringkat Daerah Sepang Tahun 2022 - “Jom Turun Padang”

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor bersama Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Rumah Payung menganjurkan program Projek Rintis Pendaftaran Orang Kurang Upaya Peringkat Daerah Sepang bagi tahun 2022 - “Jom Turun Padang” yang dijalankan bermula Oktober hingga Disember di daerah Sepang, Selangor.

PKMD Sepang dipilih untuk melaksanakan projek rintis ini bagi memastikan masyarakat setempat mendapat informasi agar pendaftaran OKU mencapai ke tahap maksimum.

Projek Rintis Pendaftaran Orang Kurang Upaya Peringkat Daerah Sepang Tahun 2022 - “Jom Turun Padang” telah dijalankan seperti berikut:

Tarikh	:	08 Oktober 2022
Masa	:	8.00 pagi – 12.00 tengah hari
Tempat	:	Dewan Bandar Baru Salak Tinggi, Selangor
Tarikh	:	30 Oktober 2022
Tempat	:	Kota Warisan, Sepang
Tarikh	:	25 November 2022
Tempat	:	D’Pulze, Cyberjaya
Tarikh	:	04 Disember 2022
Tempat	:	Taman Tasik Cyberjaya
Tarikh	:	11 Disember 2022
Tempat	:	Kampung Dato Abu Bakar Baginda
Tarikh	:	13 Disember 2022
Tempat	:	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Sepang

Pada 13 Disember 2022, YB Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat turut hadir bersama dan melancarkan Kempen Jom Daftar OKU bagi Daerah Sepang.

Pendaftaran OKU di Sepang sehingga 15 Oktober 2022 adalah seramai 3,399 orang. Dengan pelaksanaan program ini, seramai 356 OKU telah didaftarkan sepanjang Oktober hingga Disember. Sehingga 31 Disember 2022, seramai 3,755 OKU telah berdaftar di daerah Sepang.



Kempen Pendaftaran OKU peringkat Negeri dan Daerah

4.1.3.2 Kempen Pendaftaran OKU: “Menjejak OKU – Jom Daftar OKU”

- i. Kempen ini diadakan bertujuan untuk:
 - a. Mempergiatkan promosi perdaftaran OKU;
 - b. Mengenal pasti OKU untuk tujuan pendaftaran di jajahan dalam Negeri Kelantan yang rendah pendaftaran;
 - c. Mengenal pasti kaedah bagi mempermudahkan urusan pendaftaran OKU;
 - d. Memberi perkhidmatan kepada komuniti setempat tentang manfaat pendaftaran OKU.
- ii. Kempen telah diadakan seperti berikut:
 - a. Kempen Menjejak OKU di Jajahan Kota Bharu
Tarikh : 6 November 2022 (Ahad)
Tempat : Dewan Perpustakaan Desa Rahmat
Kampung Seterpa, Kelantan
Peserta : 70 orang
 - b. Kempen Menjejak OKU di Jajahan Pasir Puteh
Tarikh : 12 Disember 2022 (Isnin)
Tempat : Dewan Tuan Haji Ismail Tasik Pauh
Pasir Puteh Kelantan
Peserta : 80 orang
- iii. Antara pengisian aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang kempen berlangsung adalah seperti berikut:
 - a. Ceramah Kepentingan Pendaftaran OKU – ”OKU dan Masa Depan” oleh Tokoh Aktivis Kebajikan Kelantan.
 - b. Ceramah Keistimewaan Pendaftaran OKU daripada wakil JKM dan Unit Transformasi OKU, USM.
 - c. Booth Kaunter Perkhidmatan Pendaftaran OKU, pameran PERKESO, booth pameran kejayaan OKU dan booth peluang pekerjaan oleh syarikat.



Kempen Pendaftaran OKU: "Menjejak OKU – Jom Daftar OKU"

4.2 JAWATANKUASA **QUALITY LIFE CARE**

4.2.1 Pelaksanaan Mesyuarat

Tiada mesyuarat Jawatankuasa ‘Quality Life Care’ bagi OKU dilaksanakan bagi tahun 2022. Namun Jawatankuasa telah menghadiri Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi OKU yang telah diadakan hanya sekali iaitu pada 28 Mac 2022 dan dilaksanakan secara virtual.

4.2.2 Fokus Utama bagi Tahun 2022

Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan peralihan pandemik pada 1 April 2022 dan kelonggaran bagi pelaksanaan aktiviti secara fizikal. Berikutnya itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengenal pasti strategi bagi pelaksanaan dan penyampaian perkhidmatan di klinik kesihatan (KK) dan komuniti agar sejajar dengan keperluan dan beban tugas.

Fokus utama perkhidmatan kesihatan bagi Tahun 2022 adalah:

- i. Memperkuuhkan perkhidmatan kanak-kanak berkeperluan khas (kanak-kanak OKU) melalui kesedaran ketidakupayaan bagi tujuan stimulasi awal (*Early Intervention Program/ EIP*) serta rehabilitasi perubatan.
- ii. Memastikan liputan dan memulakan perkhidmatan perawatan domisiliari skop perubatan paliatif (PPD) di kesihatan primer (OKU dewasa).
- iii. Menangani keperluan kumpulan sasar kepada penjagaan kesihatan dan akses kepada golongan OKU di institusi dan komuniti terutama di Pusat Pemulihan dalam Komuniti (PDK).
- iv. Menggalakkan kajian dan pencapaian (indikator) bagi perkhidmatan kesihatan OKU.
- v. Pembangunan modal insan.

4.2.3 Laporan Aktiviti/ Program yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Quality Life Care Berasaskan Fokus Utama

4.2.3.1 Perkhidmatan Kesihatan bagi Kanak-Kanak Berkeperluan Khas (Kanak-Kanak OKU)


i. Latihan Pengesanan dan Pengendalian Ketidakupayaan bagi Tujuan Stimulasi Awal (*Early Intervention Program/ EIP*) dengan Kerjasama Pertubuhan/ Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Sebanyak 3 latihan pengesanan dan pengendalian ketidakupayaan bagi tujuan stimulasi awal (*Early Intervention Program/ EIP*) serta rehabilitasi perubatan telah diadakan pada tahun ini dengan kerjasama badan bukan kerajaan (NGO) iaitu Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia dan Majlis.

ii. Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan bagi Kanak-Kanak Berkeperluan Khas melalui Penambahbaikan Garis Panduan

Buku Garis Panduan dan Manual Aktiviti PDK Ku Sihat telah disemak, dicetak dan diedar ke semua 563 PDK dan klinik kesihatan terlibat. Antara penambahbaikan yang telah dibuat adalah memperkuatkkan peranan Ahli Terapi Cara Kerja, Pegawai Dietetik dan Pegawai Sains Pemakanan dalam aktiviti PDK Ku Sihat serta memasukkan panduan pencegahan dan kawalan infeksi di institusi.

Penerbitan buku Edisi Tahun 2022 ini bertujuan agar aktiviti yang berkualiti dan seragam dapat dilaksanakan di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) di seluruh negara ke arah meningkatkan tahap kesihatan pelatih dan warga PDK. Penyakit tidak berjangkit atau kronik/ Non-Communicable Diseases (NCD) menjadi salah satu agenda utama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mahupun *World Health Organization* (WHO). Melihat kepada beban NCD ini, maka aspek penjagaan NCD di klinik kesihatan mahupun di komuniti termasuk di PDK perlu diberi intervensi awal serta diperkuatkkan. Semakan ini telah dilaksanakan oleh anggota kesihatan (Pakar Perubatan Keluarga, Jururawat, Pegawai Dietetik dan lain-lain) bersama petugas PDK dan Pegawai Jabatan Pembangunan OKU, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Selaras dengan penerbitan buku ini, satu bengkel Pengukuhan Pelaksanaan Program ‘PDK Ku Sihat’ telah diadakan di Sibu, Sarawak pada 15 hingga 17 Ogos 2022.



Buku PDK Ku Sihat- Garis Panduan & Manual Aktiviti, Edisi 4,
Tahun 2022



Sesi praktikal ukuran antropometrik pada bengkel Pengukuhan Pelaksanaan Program ‘PDK Ku Sihat’ telah diadakan di Sibu

4.2.3.2 Perluasan Skop Perubatan Paliatif di Komuniti bagi OKU/ Pesakit Terlantar

Skop perubatan paliatif telah dimulakan pada tahun 2016, selaras dengan perluasan Perkhidmatan Perawatan Domisiliari (PPD) di kesihatan primer. Program ini adalah khusus bagi OKU/ pesakit terlantar di rumah yang memerlukan jagaan dan rawatan paliatif. Sebanyak 50 buah klinik kesihatan (KK) dengan PPD di Negeri Selangor, Kedah, Perak dan Pulau Pinang telah memulakan skop perubatan paliatif di kesihatan primer. Pelaksanaan dan pengukuhan skop perubatan paliatif ini adalah selaras dengan Pelan Tindakan KKM 2021-2025 dalam menyebar luaskan perkhidmatan kesihatan kepada golongan sasar di Malaysia.

Pada tahun 2022, pelaksanaan PPD skop perubatan paliatif telah dirancang diperluaskan kepada negeri yang mempunyai Pakar Perubatan Paliatif tetap di hospital yang melibatkan 7 buah negeri iaitu Sabah, Sarawak, Perlis, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor. Sehingga kini, sebanyak 94 KK melaksanakan PPD skop paliatif; Kedah (29), Pulau Pinang (12), Perak (11), Selangor (26), Melaka (4), Sarawak (1) dan Pahang (11).

Skop perubatan paliatif menekankan aspek peningkatan kualiti hidup pesakit terminal melalui rawatan gejala kesakitan, psikososial, rohani dan sokongan dari pelbagai aspek seperti sokongan emosi kepada pesakit juga ahli keluarga mereka. Perkhidmatan perawatan di rumah pesakit dilaksanakan dengan mengambil langkah-langkah pencegahan dan kawalan jangkitan COVID-19 seperti yang digariskan dalam garis panduan sedia ada yang dikeluarkan oleh KKM. Untuk tujuan perluasan PPD skop paliatif ini, 4 siri latihan telah dilaksanakan di Melaka, Pahang, Negeri Sembilan, Sarawak dan Perlis dari Julai 2022 sehingga Oktober 2022 yang melibatkan kira kira 70 peserta bagi setiap negeri.



Dr. Richard Lim Boon Leong, Pakar Perunding Perubatan Paliatif (Ketua Perkhidmatan Perubatan Paliatif) sedang menyampaikan ceramah



Sesi taklimat skop perubatan paliatif kepada Pasukan Asas dan anggota kesihatan

4.2.3.3 Program PDK KU SIHAT Peringkat Negeri Sabah dan Sarawak

Bengkel pengukuhan pelaksanaan program 'PDK Ku Sihat' telah dilaksanakan di negeri Sarawak dan Sabah. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk melatih anggota kesihatan yang memberi perkhidmatan ke Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) seperti Pegawai Sains Pemakanan, Pegawai Dietetik, Jururawat dan Jurupulih Perubatan dalam aspek penjagaan anak-anak OKU di PDK menggunakan Garis Panduan dan Manual 'PDK Ku Sihat' Edisi Tahun 2022 yang baru ditambahbaik. Bengkel ini juga disertai oleh wakil dari Jabatan Kesihatan Negeri dan petugas PDK.

Objektif bengkel:

- a. Untuk memaklumkan status dan pengetahuan mengenai PDK KU SIHAT menggunakan manual baharu edisi 4;
- b. Untuk meningkat kemahiran anggota kesihatan dan penyelia PDK dalam pengendalian kanak-kanak berkeperluan khas di PDK; dan
- c. Untuk menjalankan kerjasama antara disiplin yang berlainan

Bengkel di peringkat Negeri Sarawak telah dilaksanakan selama 3 hari bermula pada 15 hingga 17 Ogos 2022 di Kem Belia dan Sukan, Kem Kemuyang, Sibu, Sarawak. Seramai 56 orang peserta telah mengikuti bengkel ini yang terdiri daripada 20 orang penyelia PDK, 23 orang Jururawat dari pelbagai kategori, 6 orang Jurupulih Perubatan Carakerja, seorang Pegawai Pemulihan Fisioterapi, 3 orang Jurupulih Perubatan Fisioterapi dan 2 orang Pegawai Sains Pemakanan. Bengkel ini turut mendapat sokongan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Bahagian Betong dan anggota kesihatan terlatih dari Bahagian Sibu.

Bagi peringkat negeri Sabah pula, bengkel telah dilaksanakan di Hotel Shangri-La, Kota Kinabalu pada 12 hingga 14 September 2022. Seramai 64 orang peserta yang terdiri daripada 21 penyelia PDK dan 32 Jururawat dari pelbagai kategori telah menyertai bengkel ini. Penceramah adalah daripada Jabatan Kebajikan Am, Kota Kinabalu, Sabah dan anggota kesihatan terlatih dari pelbagai disiplin.



Sesi praktikal semasa bengkel di Pusat Belia dan Sukan Kem Kemuyang Sibu, Sarawak



Bengkel pengukuhan pelaksanaan program 'PDK Ku Sihat' Peringkat Negeri Sabah


4.2.3.4 Penggalakkan Kajian dan Pencapaian (Indikator)

Salah satu inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia dalam memastikan akses perkhidmatan kesihatan disampaikan terus kepada pesakit OKU terlantar di rumah adalah melalui pelaksanaan Perkhidmatan Perawatan Domisiliari (PPD). Perkhidmatan ini diperkuuhkan dengan pelaksanaan satu lagi elemen penting dalam penjagaan pesakit OKU terlantar di rumah iaitu perubatan paliatif.

Selaras dengan Pelan Strategik Kementerian Kesihatan Malaysia 2021-2025, Teras Strategik 1: Inisiatif Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan Primer serta Dasar dan Pelan Strategik Penjagaan Paliatif Kebangsaan (*National Palliative Care Policy and Strategic Plan*) Tahun 2019, pelbagai inisiatif dirangka bagi memastikan kebolehcapaian dan kualiti kepada perkhidmatan ini dipertingkatkan. Antara inisiatif yang dijalankan adalah dengan melatih anggota kesihatan secara berterusan.

Latihan dalam aspek perawatan dan perubatan paliatif di komuniti dilaksanakan secara dalam talian (e-pembelajaran) menggunakan platform *Extension for Community Healthcare Outcomes (ECHO)*. Objektif latihan ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan anggota kesihatan terutamanya pasukan asas (paramedik) PPD yang terdiri daripada Penolong Pegawai Perubatan dan Jururawat. Ahli pasukan asas terdiri daripada mereka yang terlibat dalam memberi rawatan, melakukan pemantauan dan penilaian pesakit serta membuat rujukan kepada agensi berkaitan sekiranya perlu. Sebanyak 24 siri e-pembelajaran dilaksanakan pada setiap 2 minggu bermula pada bulan Februari 2022 dan dijangka akan berakhir pada bulan Februari 2023.

Sebagai permulaan, sebanyak 50 klinik kesihatan telah terlibat dengan latihan ini dan akan diperluaskan ke klinik kesihatan lain pada tahun 2023. Sesi pembelajaran juga melibatkan perkongsian pengalaman, best practices dan tunjuk ajar daripada pakar perubatan berkaitan.



Sesi e-pembelajaran ECHO kepada pasukan asas PPD dan skop perubatan paliatif

4.2.3.5 Pembangunan Modal Insan

i. Latihan Kesedaran Ketidakupayaan (*Disability Equality Training*)

Pada tahun 2022 juga, Sektor Kesihatan OKU, BPKK telah melaksanakan latihan echo-training (training of trainers) Kesedaran Pengendalian OKU Peringkat Kebangsaan pada 24 hingga 26 Mei 2022 di Hotel Sani Kuala Lumpur yang meliputi aspek pengendalian OKU fizikal, penglihatan, pendengaran dan mental. Latihan ini melibatkan seramai 45 peserta dari pelbagai kategori pejawatan di klinik kesihatan seluruh Malaysia dengan menggunakan waran peruntukan tahun 2022 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang dianugerahkan kepada Jawatankuasa Quality Life Care (KKM) di bawah Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU).

Latihan ini dilaksanakan saban tahun bagi melatih lebih ramai lagi anggota pelaksana di lapangan dalam teknik yang betul dan sesuai menyantuni OKU dan bagi meningkatkan kefahaman dan kemahiran insaniah (*soft skill*) mereka dalam pengendalian OKU. Fasilitator bagi latihan ini merupakan OKU sendiri yang mewakil persatuan OKU masing-masing. Penceramah jemputan adalah YB Senator Datuk Ras Adiba Mohd Radzi yang hadir memberi sokongan kepada latihan yang dijalankan oleh KKM. Beliau berkongsi pengalaman sebagai OKU dan cabaran-cabaran yang dihadapi.



Sesi praktikal dijalankan menggunakan fasiliti dan kemudahan di hotel

ii. Kursus *Training of Trainers (TOT)* bagi Pengendalian Autism Spectrum Disorder (ASD) Menggunakan *Clinical Practice Guidelines (CPG)*

Satu kursus telah dijalankan pada 28-30 Jun 2022 yang melibatkan penyertaan daripada anggota kesihatan seperti Pakar Perubatan Keluarga, Pegawai Perubatan dan Jururawat. Kursus ini dilaksanakan berdasarkan *Clinical Practice Guidelines (CPG): Management of Autism Spectrum Disorder in Children and Adolescent*. Objektif kursus dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- a. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran anggota kesihatan berkenaan ketidakupayaan serta pengendalian anak dengan masalah ASD;
- b. Memberi pendedahan secara langsung kepada peserta berkenaan teknik pengendalian dan *evidence based strategy* untuk mendidik dan merawat kanak-kanak ASD di Malaysia; dan
- c. Meningkatkan saringan ASD kanak-kanak di peringkat kesihatan primer mengikut standard yang digariskan dalam CPG ASD

Sesi lawatan lapangan ke Pusat Genius Kurnia, Kuala Lumpur telah diadakan pada hari terakhir kursus bagi memberi pendedahan kepada peserta mengenai teknik yang digunakan di pusat tersebut bagi merawat anak-anak dengan ASD. Best practices yang dipraktikkan boleh dijadikan panduan dan rujukan peserta semasa mengendalikan kanak-kanak ASD yang mendapatkan rawatan temujanji di klinik kesihatan.



Kursus *Training of Trainers (TOT)* bagi Pengendalian Autism Spectrum Disorder (ASD) menggunakan *Clinical Practice Guidelines (CPG)*



Sesi ceramah dan praktikal yang dikendalikan oleh Pakar Perubatan dan Ahli Terapi berkaitan

iii. Bengkel *Training of Trainers (TOT)* Modul *Live Life, Stay Safe* berkaitan Kesihatan Seksual dan Keselamatan Diri dalam Kalangan Kanak-Kanak dan Remaja Berkeperluan Khas

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM dengan kerjasama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah mengadakan Bengkel Training of Trainers (TOT) berkaitan Kesihatan Seksual dan Keselamatan Diri dalam Kalangan Kanak-kanak dan Remaja Berkeperluan

Khas khusus kepada pegawai-pegawai LPPKN pada 9 hingga 11 Jun 2022 bertempat di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan pegawai-pegawai LPPKN berkaitan isu-isu seksualiti yang perlu diajar kepada kanak-kanak dan remaja berkeperluan khas serta ibu bapa/ penjaga mereka seperti *Coping Life Skills, Body Parts, Emotions, Relationship, Touch, Sexual Abuse and Disclosure* dan sebagainya. Sesi ceramah dan praktikal telah dikendalikan oleh anggota kesihatan dan juru pulih terlatih dari BPKK dan klinik kesihatan.



Sesi praktikal dan penghasilan bahan mengajar berkenaan kesihatan seksual dan keselamatan diri kanak-kanak OKU

iv. Taklimat Pengenalan Klasifikasi Sukan Paralimpik kepada Pakar Perubatan Keluarga dan Ahli Fisioterapi Peringkat Zon Tengah Perak, Negeri Sembilan, Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya

Susulan Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya (OKU) Bil. 1/2022, KKM dengan kerjasama Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) telah mengadakan taklimat pengenalan peranan classifier bagi klasifikasi sukan paralimpik kepada Pakar Perubatan Keluarga dan Ahli Fisioterapi pada 4

dan 5 Oktober 2022. Taklimat ini adalah bertujuan untuk menjelaskan evolusi pergerakan paralimpik dan sistem klasifikasi sukan paralimpik di Malaysia dan antarabangsa yang boleh dilaksanakan oleh anggota kesihatan.

Seramai 29 orang anggota kesihatan yang terlibat dalam taklimat diberi pendedahan dari segi teori, malah sesi praktikal klasifikasi turut dilaksanakan bersama atlit paralimpik negara. Kursus ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada para peserta. Penglibatan peserta yang proaktif sepanjang sesi praktikal dijalankan dapat membantu para peserta untuk mengenali sukan paralimpik dan peranan classifier oleh Pakar serta Pegawai Perubatan dan ahli fisioterapi. Para peserta juga berharap agar kursus ini dapat dipanjangkan kepada lebih ramai anggota kesihatan dan dapat dianjurkan lagi pada masa akan datang.



Sesi Praktikal: Pendedahan penilaian sebagai classifier

v. Kursus Penjaga bersama MAKPEM

KKM telah menjalankan kerjasama pintar bersama badan/ persatuan bukan kerajaan (NGO) bagi memperkasakan pemberian perkhidmatan kepada penjaga OKU. Bagi tahun 2022, sebanyak 3 aktiviti telah dijalankan bersama Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MAKPEM), fokus dalam memberi latihan kepada penjaga di institusi dan di rumah. Kursus Penjagaan Orang Kurang Upaya (OKU) dan Warga Emas di Institusi dan Komuniti telah dilaksanakan bagi peringkat negeri Sembilan pada Januari 2022, Kelantan pada Februari 2022 dan Selangor pada Mac 2022. Objektif kursus ini dijalankan adalah untuk:

- a. Meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan latihan kepada penjaga dalam pengendalian OKU dan warga emas di institusi dan komuniti.
- b. Memberi pendedahan kepada penjaga dalam mengenal pasti risiko awal dan masalah yang dihadapi oleh klien, seterusnya membuat rujukan awal kepada pihak yang berkaitan.

- c. Memberi pendedahan kepada penjaga dalam persediaan memulakan semula perkhidmatan dalam fasa endemik COVID-19 serta membudayakan norma baharu.

vi. Sambutan Hari OKU Antarabangsa Peringkat Kebangsaan

Bersempena sambutan Hari OKU Antarabangsa Peringkat Kebangsaan yang telah disambut pada 3 Disember 2022, KKM menyokong dan terlibat dengan aktiviti Universiti Malaya iaitu Program Larian bersama OKU (*Run with Me*) yang akan diadakan pada 7 Januari 2023 (Sabtu) di Stadium Arena, Universiti Malaya. Hebahan program telah dibuat kepada pengurusan tertinggi dan bahagian-bahagian dalaman KKM.



Poster program Larian Bersama OKU *Run With Me*.

4.2.4 Laporan Aktiviti/ Program yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Quality Life Care

4.2.4.1 Program Pemerksaan Komuniti untuk Pembudayaan Norma Baharu kepada Petugas PDK (Teras 3 dalam Agenda Nasional Malaysia Sihat)

Nama Program	Program Pemerksaan Komuniti untuk Pembudayaan Norma Baharu kepada Sukarelawan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)
Tarikh	Mac - Jun 2022
Tempat	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Dewan Bahagia, Hospital Bahagia Ulu Kinta, Tanjung Rambutan, Ipoh, Perak ▪ Bilik Seminar, Akademi IKHLAS, Yayasan Toh Puan Zurina, Melaka ▪ Bilik Seminar Wawasan, Klinik Kesihatan Seberang Jaya, Seberang Jaya, Pulau Pinang ▪ Bilik Bestari 2, Sektor Sumber & Teknologi Pendidikan (SSTP), Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, Pengkalan Chepa, Kelantan ▪ Pusat Khidmat Setempat (PKS) Orang kurang Upaya (OKU) Marang, Terengganu ▪ <i>Lecture Hall A</i>, Universiti Kuala Lumpur- Malaysia, Spanish Institute UniKL MSI) Kulim Hi-tech Park, Kulim, Kedah ▪ Dewan Pulai, Sektor Sumber Teknologi Pendidikan (SSTP) Kangar, Perlis ▪ Kem Belia dan Sukan, Kem Kemuyang, Sibu, Sarawak ▪ Hotel Shangri-La, Kota Kinabalu, Sabah
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kepada sukarelawan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) iaitu Penyelia/ Petugas PDK dalam membantu OKU membudayakan norma baharu ▪ Memberi pendedahan kepada petugas PDK mengenai langkah kawalan dan pencegahan COVID-19 di PDK bagi memantau pelatih PDK
Kumpulan Sasar	Penyelia dan Petugas di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti
Bilangan Penyertaan	410 orang peserta

	<p>i. Output Program</p> <p>Peserta lebih memahami Amalan Norma Baharu dalam kawalan Pandemik di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan langkah-langkah pencegahan COVID-19 dalam kalangan pelatih</p> <p>ii. Outcome:</p> <p>Pelatih, ibu bapa dan seterusnya masyarakat berpengetahuan dalam pengamalan Norma Baharu dan langkah pencegahan penyakit COVID-19</p>
Penutup	Program mendapat sambutan yang menggalakkan dan berjalan lancar mengikut tentatif. Para peserta memberi komen positif supaya program seperti ini dijalankan setiap tahun dan perlu diperluaskan kepada petugas-petugas PDK, ibu bapa dan AJK PDK.



Sesi praktikal bersama peserta dan fasilitator bagi Program Pemerkasaan Komuniti untuk Pembudayaan Norma Baharu kepada Sukarelawan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti

Program Pendidikan Holistik Penjagaan Kesihatan OKU di PDK

Tarikh	15 Oktober 2022
Tempat	Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Nilai, Negeri Sembilan
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Memberi pendedahan kepada pelatih OKU, penjaga dan petugas untuk membuat senaman fisioterapi secara betul, selamat dan konsisten untuk diamalkan di PDK dan rumah oleh Jurupulih Perubatan Fisioterapi ▪ Memberi pendedahan berkaitan penyediaan pemakanan sihat secara selamat dan berkhasiat untuk memastikan mendapat nutrisi yang seimbang melalui pameran dan demonstrasi oleh Pegawai Dietetik dan Pegawai Sains ▪ Meningkatkan kesedaran berkaitan pendidikan kesihatan seksualiti dalam kehidupan seharian oleh Jurupulih Perubatan Carakerja dan Unit Remaja ▪ Kolaborasi bersama Unit Dental untuk memperluaskan promosi kesihatan oral melalui ceramah penjagaan kesihatan mulut/ oral serta pameran ▪ Saringan kesihatan National Health Screening Initiative (NHSI) oleh unit Non-Communicable Diseases KK Nilai ▪ Peserta wanita berpeluang untuk pemeriksaan saringan Pap Smear dan pemeriksaan payu dara untuk pengesanan awal kanser servik dan kanser payu dara agar rujukan awal dapat dilakukan oleh unit Kesihatan Ibu dan Anak
Kumpulan Sasar	Pelatih PDK, petugas dan ibu bapa/ penjaga
Bilangan Penyertaan	101 orang peserta
	<p>i. Output Program</p> <p>Kumpulan sasar lebih peka dan ada kesedaran tentang kepentingan pemeriksaan kesihatan termasuk kesihatan mulut/ oral, senaman fisioterapi yang betul dan selamat, pemakanan yang sihat dan selamat, pendidikan kesihatan seksualiti dalam kehidupan dan kesedaran berkaitan kesihatan wanita dan pentingnya dilakukan secara berkala dan konsisten dalam kalangan petugas PDK, ibubapa/ penjaga dan pelatih oleh kakitangan kesihatan dari disiplin yang berlainan mengikut kepakaran masing-masing.</p>

	<p>ii. Outcome:</p> <p>Pelatih PDK di institusi dan juga di rumah, ibubapa serta penjaga dan petugas di PDK akan lebih berpengetahuan tentang kepentingan pemeriksaan kesihatan, melakukan aktiviti senaman fisioterapi yang selamat, penyediaan pemakanan yang sihat dan selamat serta lebih berpengetahuan tentang kesedaran berkaitan kesihatan wanita serta seksualiti dalam kehidupan.</p>
Penutup	Kesimpulannya, di akhir program pelatih, ibubapa serta penjaga dan petugas PDK telah memberikan kerjasama serta sokongan yang amat baik dalam menjayakan program ini serta mengambil peluang dan manfaat dengan melakukan saringan kesihatan serta lebih berpengetahuan tentang kepentingan serta cara penjagaan yang betul dan selamat kepada pelatih PDK sama ada di institusi atau di rumah.



Bersama pelatih PDK bagi Program Pendidikan Holistik Penjagaan Kesihatan OKU di PDK

4.2.4.2 Latihan dalam Pengendalian OKU: *Borneo Palliative Care Conference* pada 27-28 Oktober 2022

Nama Program	Latihan dalam pengendalian OKU: <i>Borneo Palliative Care Conference</i>
Tarikh Perlaksanaan Program	27-28 Oktober 2022
Tempat	Hotel Kingwood Sibu, Sarawak
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menyediakan platform kepada anggota kesihatan dalam mengemaskini pengetahuan dan kemahiran serta memanfaatkan penemuan terbaru dan best practices elemen perawatan paliatif. ▪ Untuk menggalakkan dan memberi motivasi kepada semua kategori profesional penjagaan kesihatan dalam perkhidmatan perawatan domisiliari skop perubatan paliatif sebagai salah satu usaha dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka.
Kumpulan Sasar	Anggota kesihatan yang terlibat dengan Perkhidmatan Perawatan Domisiliari Skop Perubatan Paliatif dari negeri Sarawak.
Bilangan Penyertaan	5 orang Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan
	<p>i. Output Program:</p> <p>Dengan tema “Healing Hearts and Communities”, persidangan ini membawa kepada peningkatan kesedaran dan pengetahuan staf-staf dari Kementerian Kesihatan Malaysia tentang isu perawatan paliatif.</p> <p>ii. Outcome:</p> <p>Peserta yang dilatih akan lebih yakin dan lebih bermaklumat dalam skop perawatan paliatif bagi pesakit di komuniti. Kompetensi anggota kesihatan dalam memberikan rawatan lebih meningkat.</p>

Penutup

Persidangan ini dilihat sebagai satu platform bagi memperkenalkan dan menyediakan lebih pengetahuan tentang perubatan paliatif kepada anggota kesihatan di kesihatan primer. Selain memberi kesan pada kebolehcapaian dan peningkatan kualiti Perkhidmatan Perawatan Domisiliari (PPD) skop perubatan paliatif di kesihatan primer, persidangan ini juga merupakan antara inisiatif secara berterusan dalam memberi latihan kepada anggota kesihatan di klinik kesihatan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam memberi rawatan berkualiti kepada pesakit paliatif di komuniti.



Persidangan Borneo *Palliative Care* 2022 merupakan platform bagi memberi pendedahan dan kemahiran kepada anggota kesihatan dalam penjagaan pesakit paliatif di komuniti

4.3 JAWATANKUASA PENDIDIKAN

4.3.1 Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa

Tiada mesyuarat dilaksanakan sepanjang tahun 2022

4.3.2 Laporan Aktiviti/ Program yang telah dilaksanakan Sepanjang Tahun 2022

4.3.2.1 Bengkel Kerja *Training of Trainers (ToT)* dan Audit Akses dalam Persekutaran Alam Bina 2022

Telah diadakan pada 6 dan 7 April 2022 di Universiti Islam Antarabangsa, Gombak, Selangor. Bengkel ini melibatkan 63 orang peserta yang terdiri daripada pegawai di Bahagian KPM, JPN dan PPD termasuk 13 orang penceramah, moderator dan fasilitator.

Objektif bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para peserta berkenaan kemudahan mesra OKU berdasarkan Garis Panduan Reka Bentuk Sejagat (Universal Design). Bengkel ini juga memberi pendedahan kepada para peserta agar lebih peka tentang reka bentuk kemudahan mesra OKU dan dapat diterapkan seterusnya diaplikasikan dalam semua projek pembangunan terutama projek yang melibatkan kemudahan mesra OKU di sekolah berdasarkan prinsip Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*).



Simulasi audit akses di sekitar bangunan dewan bengkel



Simulasi audit akses di sekitar bangunan dewan bengkel

4.3.2.2 Kursus ini telah dilaksanakan pada tarikh dan tempat serta penyertaan seperti berikut:

i. Negeri Selangor Siri 1

- 26 Oktober 2022
- Kolej Komuniti Kuala Langat, Selangor
- 100 orang peserta

ii. Negeri Selangor Siri 2

- 31 Oktober 2022
- Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat, Selangor
- 100 orang peserta

iii. WP Kuala Lumpur

- 3 November 2022
- SJKC La Salle, Bandar Sri Petaling, WP KL
- 100 orang peserta

iv. Negeri Sembilan

- 9 November 2022
- SK Bandar Sri Sendayan, Negeri Sembilan
- 50 orang peserta

4.3.2.3 Slot dan penceramah adalah seperti berikut:

Slot	Tajuk	Penceramah
1.	Memahami dan Mengenali Murid Berkeperluan Pendidikan Khas	Puan Nur Fatehah binti Mohd Shukri Jawatan: Audiologis
2.	Pengurusan Tingkah Laku dari Sudut Sensori	Puan Mahfuzah binti Zainol Jawatan Jurupulih Cara Kerja
3.	Modifikasi dan Akomodasi Bilik Darjah	Puan Nurdiyana binti Abd Halim Pegawai Psikologi (Pendidikan)

Objektif kursus ini dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Memberi pengetahuan yang jelas tentang kategori dan ciri-ciri murid berkeperluan pendidikan khas;
- Memahami kaedah menguruskan tingkah laku murid berkeperluan pendidikan khas;
- Memantapkan kompetensi tentang pengurusan bilik darjah pendidikan khas; dan
- Mempersiapkan guru pendidikan khas bagi menghadapi pembukaan sesi persekolahan tahun 2023.



Peserta kursus bagi negeri Selangor Siri 1



Peserta kursus bertanya soalan kepada penceramah



Penceramah bagi slot Pengurusan Tingkah Laku dari Sudut Sensori

Sekitar Kursus “Murid Berkeperluan Pendidikan Khas: Ready, Set and Learn” bagi Guru Pendidikan Khas

4.4 JAWATANKUASA PEKERJAAN

4.4.1 Pelaksanaan Aktiviti/ Program di Bawah Jawatankuasa Pekerjaan

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pekerjaan dan Program Bicara Bersama Ahli dan Persatuan OKU.

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pekerjaan dan Program Bicara bersama ahli dan Persatuan OKU telah diadakan pada 10 Mac 2022 bertempat di Malaysian Association For The Blind (*MAB*). Objektif program ini adalah untuk:

- a. Mendapatkan input dan pandangan mengenai perkembangan terkini hal-hal semasa yang berkaitan dengan OKU; dan
- b. Mendapatkan input, mengenal pasti dan menetapkan pelaksanaan aktiviti-aktiviti dan program-program berkaitan pekerjaan dan peluang pekerjaan.

4.4.2 Laporan Aktiviti/ Program di Bawah Jawatankuasa Pekerjaan

4.4.2.1 Program Outreach Taman Sinar Harapan Jubli, Johor Bahru

Tarikh: 13 September 2022

Objektif Program:

- a. Memastikan golongan OKU turut terlibat dalam arus pembangunan Negara melalui sektor pekerjaan selari dengan matlamat Akta OKU 2008; dan
- b. Berkongsi informasi mengenai inisiatif-inisiatif yang sedia ada dan usaha yang sedang dilakukan di bawah KSM bagi memperkasakan peluang pekerjaan OKU dan mengenal pasti risiko OKU di tempat kerja.

4.4.2.2 Program Penerangan Meningkatkan Peluang Pekerjaan di Kalangan Mahasiswa OKU

Tarikh: 30 September 2022

Tempat: Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)

Objektif Program:

- a. Memastikan golongan OKU turut terlibat dalam arus pembangunan Negara melalui sektor pekerjaan selari dengan matlamat Akta OKU 2008; dan
- b. Berkongsi informasi mengenai inisiatif-inisiatif yang sedia ada dan usaha yang sedang dilakukan di bawah KSM bagi memperkasakan peluang pekerjaan OKU dan mengenal pasti risiko OKU di tempat kerja.

4.4.2.3 Program Penerangan Meningkatkan Peluang Pekerjaan di Kalangan Mahasiswa OKU

Tarikh: 11 Oktober 2022 & 14 Oktober 2022

Tempat:

- Politeknik Kota Kinabalu, Sabah
- Persatuan Rumah dan Perkhidmatan Cheshire Sabah (Sabah Cheshire Home & Services).

Objektif Program:

- a. Meningkatkan kebolehpasaran graduan-graduan OKU dalam pekerjaan secara lebih komprehensif dan sistematik.
- b. Perkongsian maklumat mengenai peluang pekerjaan di sektor awam dan sektor swasta bagi graduan OKU.

4.5 JAWATANKUASA PENGANGKUTAN

4.5.1 Pelaksanaan Mesyuarat

Mesyuarat Jawatankuasa Pengangkutan Bil. 1/2022 telah diadakan pada 21 Jun 2022 dan dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Ketua Setiausaha (KSU). Selain menyemak semula minit mesyuarat, mesyuarat ini juga bertujuan mendapatkan maklum balas dan status tindakan yang diperlukan melalui perbincangan dengan semua ahli.

Beberapa pihak telah dijemput untuk membentangkan kertas berkaitan pengangkutan dan OKU pada mesyuarat tersebut seperti berikut:

Kertas Pertimbangan

- a. Syor Pindaan bagi Kertas Jemaah Menteri Cadangan Pelaksanaan Plat Kenderaan Orang Kurang Upaya (OKU).

Kertas Makluman

- a. Cadangan bagi Memperkasakan Perkhidmatan Teksi Mesra OKU oleh Persatuan Damai Orang Kurang Upaya (DAMAI);
- b. Inisiatif Pengecualian Lesen Kenderaan Motor (LKM) kepada OKU oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);
- c. *Accessible Ramp for Turboprop Aircraft* oleh MASWings;
- d. Kenderaan Komuniti Percuma oleh Majlis Bandaraya Shah Alam; (MBSA) dan;
- e. Penambahbaikan Fasiliti di Monorel Bukit Bintang oleh Prasarana Malaysia Berhad

Selain itu, mesyuarat kali ini juga buat julung kalinya telah menyediakan satu salinan agenda dan minit mesyuarat dalam bentuk braille khusus untuk rujukan ahli JK iaitu Cik Siti Huraizah yang merupakan OKU Penglihatan.



Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengangkutan
yang diterjemah dalam bentuk Braille

4.5.2 Laporan Aktiviti/ Program yang telah dilaksanakan Sepanjang Tahun 2022

Dua bengkel telah diadakan sepanjang tahun 2022 iaitu:

4.5.2.1 Bengkel Kod Amalan Terbaik (*Code Of Practice – COP*) Pengendalian Orang Kurang Upaya (OKU) bagi Perkhidmatan Pengangkutan Rel

Satu bengkel telah diadakan bagi membincangkan dan memperhalusi kandungan kod amalan (COP) tersebut pada 27 dan 28 Jun 2022 bertempat di KL Sentral. COP ini akan dimuktamadkan dan disasarkan untuk edaran kepada semua agensi berkaitan dan operator pengangkutan awam sebagai satu garis panduan yang menyokong konsep inklusiviti dan aksesibiliti kepada semua pengguna.

Bengkel tersebut telah dihadiri oleh wakil Kementerian Pengangkutan, agensi serta pengendali pengangkutan awam dan terminal seperti berikut:

MOT	Agensi	Pengendali Terminal	Pengendali Pengangkutan Awam
Bahagian Pembangunan	Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)	<i>Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB)</i>	PRASARANA Malaysia Berhad

MOT	Agensi	Pengendali Terminal	Pengendali Pengangkutan Awam
Bahagian Darat	Jabatan Pembangunan OKU (JPOKU), Jabatan Kebajikan Masyarakat	Terminal Bersepadu Selatan (TBS)	Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)
	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	Terminal Bersepadu Gombak (TBG)	Express Rail Link (ERL)
	Iskandar Regional Development Authority (IRDA)		Malaysia Rail Link (MRL)



Bengkel Kod Amalan Terbaik (Code of Practice – COP) Pengendalian Orang Kurang Upaya (OKU) bagi Perkhidmatan Pengangkutan Rel

4.5.2.2 Laman Sesawang Mesra OKU

Bengkel Laman Sesawang Mesra OKU Siri 2 telah diadakan pada 29 & 30 Ogos 2022 di Bilik Komputer, MOT. Ia diadakan bagi meneruskan objektif untuk memberikan kesedaran dan memupuk semangat inklusiviti dan kebersamaan dalam usaha menyediakan laman sesawang yang mudah diakses oleh semua golongan pengguna tanpa mengira tahap keupayaan. Program ini disasarkan khusus kepada agensi dan jabatan di bawah MOT, selain penyedia perkhidmatan pengangkutan awam.

Penceramah adalah merupakan seorang OKU Penglihatan, En Hafiyyan bin Lali daripada Persatuan bagi Orang Buta Malaysia (MAB) yang berpengalaman luas dalam bidang teknologi maklumat selain merupakan tenaga pengajar di MAB. Beliau berkongsi penerangan teknikal dan memberikan latihan secara hands-on kepada para peserta terutamanya kaedah membina coding yang bersesuaian untuk laman sesawang masing-masing.



Bengkel Laman Sesawang Mesra OKU Siri 2 telah diadakan pada 29 & 30 Ogos 2022 di Bilik Komputer MOT

4.5.2.3 Audit Aksesibiliti Pengangkutan Awam

Merujuk kepada Pelan Tindakan OKU di bawah seliaan KPWKM, MOT telah dipertanggungjawabkan untuk mengadakan 5 audit aksesibiliti setiap tahun di lokasi hab pengangkutan awam. Pada tahun 2022, sebanyak 5 audit telah berjaya dilaksanakan dengan bantuan kepakaran bertauliah daripada Pn Hajjah Dalilah Bee Abdullah. Butiran audit-audit tersebut adalah seperti berikut:

i. Stesen Monorel Bukit Bintang, Kuala Lumpur

Audit ini telah dijalankan pada 24 Mei 2022 dan dihadiri oleh wakil daripada Bahagian Pembangunan (MOT), Bahagian Darat (MOT), Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Jabatan Pembangunan OKU (JPOKU), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Prasarana. Antara cadangan penambahbaikan adalah merangkumi:

- a. Ketiadaan lif untuk pengguna (perlukan bantuan personel);
- b. Penambahbaikan aksesori tandas OKU (ramp agak curam, maka perlukan bantuan personel);
- c. Mewujudkan ruangan untuk *drop off* OKU; dan
- d. Mengubahsuai kawasan pintu masuk (menghala ke eskalator) agar boleh dilalui oleh pengguna berkerusi roda (terkini, terdapat 2 aras kecil yang menghalang kerusi roda untuk masuk ke ruangan ini).



Sesi Audit Aksesibiliti di Stesen Monorel Bukit Bintang, Kuala Lumpur

ii. Terminal Bas Seksyen 17 Shah Alam, Selangor

Audit telah dijalankan pada 14 Jun 2022 dan dihadiri oleh wakil daripada Bahagian Pembangunan (MOT), Bahagian Darat (MOT), Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Jabatan Pembangunan OKU (JPOKU), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan pengendali terminal.

Berdasarkan audit yang dijalankan, tidak terdapat isu besar berhubung OKU di terminal ini, namun ada beberapa cadangan penambahbaikan terutamanya laluan masuk ke pintu hadapan terminal agar lebih selamat untuk OKU. Kaunter tiket adalah baik untuk kegunaan warga OKU, selain ada disediakan bilik solat dan tandas yang selesa. Namun begitu, terdapat keperluan untuk menambahbaik reka bentuk bas ekspres agar dapat diakses oleh golongan OKU, sama seperti bas henti-henti (dalam bandar) yang mesra OKU (low deck).



Sesi Audit Aksesibiliti di Terminal Bas Seksyen 17, Shah Alam

iii. Hab Pasar Seni, Kuala Lumpur

Audit telah dijalankan pada 14 Julai 2022 dan telah dihadiri oleh wakil daripada Bahagian Pembangunan (MOT), Bahagian Darat (MOT), Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Jabatan Pembangunan OKU (JPOKU), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Prasarana. Audit ini melibatkan stesen LRT dan juga hab bas Pasar Seni. Lokasi ini agak sibuk dan sentiasa menerima pengunjung dan pengguna perkhidmatan rel dan bas dalam bandar.

Antara isu utama yang dikenal pasti adalah ketiadaan tactiles di ruangan menunggu bas di hab tersebut. Fasiliti lain adalah memuaskan dan sesuai untuk semua golongan.

iv. Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LIA)

Audit telah dijalankan pada 26 September 2022 dan telah dihadiri oleh wakil daripada Bahagian Pembangunan (MOT) Bahagian Udara (MOT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM), Jabatan Pembangunan OKU (JPOKU), Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP), Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan *Malaysia Airports Holdings Berhad* (MAHB).

Berdasarkan audit yang dijalankan, aksesibiliti adalah pada tahap yang terbaik dan OKU boleh menggunakan dengan selesa. LIA ini telah memenangi Anugerah Lapangan Terbang Terbaik Dunia (bagi kategori 2 juta hingga 5 juta penumpang setahun) hasil daripada kajian *Global Airport Service Quality* (ASQ) oleh *Airports Council International* (ACI).



Sesi Audit Aksesibiliti di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LIA)

v. Jeti Penumpang Kuah Langkawi, Kedah

Audit telah dijalankan pada 27 September 2022 dan dihadiri oleh wakil daripada Bahagian Pembangunan (MOT), Bahagian Maritim (MOT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Laut Malaysia (JLM), Jabatan Pembangunan OKU (JPOKU), Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

Antara cadangan penambahbaikan adalah merangkumi:

- a. Tandas OKU tidak dapat diakses setelah masuk ruangan menunggu kerana kedudukan kurang sesuai (setelah autogate dibina baharu)
- b. Aksesori tandas OKU
- c. Fasiliti amaran kecemasan perlu disediakan untuk OKU



Sesi Audit Aksesibiliti di Jeti Penumpang Kuah, Langkawi

4.5.2.4 Sesi Libat Urus Ahli Jawatankuasa Pengangkutan bersama Wakil MOT, Agensi dan Operator Perkhidmatan Pengangkutan Awam

Satu sesi libat urus telah diadakan pada 30 November 2022 dengan penyertaan daripada ahli-ahli JK Pengangkutan dan wakil bahagian Kementerian Pengangkutan, agensi dan jabatan selain operator pengangkutan awam. Sesi ini diadakan sebagai satu perjumpaan rumusan kepada aktiviti dan program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 serta perbincangan bagi perancangan aktiviti dan program JK bagi tahun 2023. Pelbagai idea dan input telah dikongsikan dan dibincangkan dalam sesi ini, termasuk cadangan lokasi-lokasi hab pengangkutan awam untuk dilaksanakan audit aksesibiliti dengan konsep reka bentuk sejagat (Universal Design) serta penekanan kepada konsep inklusiviti kepada semua pihak terutamanya melalui latihan *Disability Equality Training* (DET) dan *Disability Related Services Training* (DRST).




Sesi Libat Urus Ahli Jawatankuasa Pengangkutan bersama Wakil MOT, Agensi dan Operator Perkhidmatan Pengangkutan Awam

4.6 JAWATANKUASA REKA BENTUK SEJAGAT DAN ALAM BINA

4.6.1 Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina (JK RBSAB)

Jawatankuasa ini memberi tumpuan kepada isu-isu aksesibiliti bangunan, ruang awam dan penggunaan peralatan atau kemudahan reka bentuk sejagat dalam setiap reka bentuk yang boleh digunakan oleh semua golongan masyarakat di bawah Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU).

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina Bilangan 1 Tahun 2022 telah diadakan pada 07 Mac 2022 (lsnin), jam 3.00 petang secara dalam talian. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha, KPWKM.



Mesyuarat Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina Bil. 1/2022 dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff bin Mohd Hashim, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

- ii. Mesyuarat Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina Bilangan 2 Tahun 2022 telah diadakan pada 04 Oktober 2022. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBrs. Encik Chua Choon Hwa, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), KPWKM.



Mesyuarat Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina Bil. 2/2022 dipengerusikan oleh YBrs. Encik Chua Choon Hwa, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

4.6.2 Pelaksanaan Aktiviti/ Program di Bawah Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina (JK RBSAB)

4.6.2.1 Program Advokasi: Dokumentari Laporan Khas (OKU, Reka Bentuk dan Alam Bina)

Objektif penghasilan dokumentari ini adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan kesedaran masyarakat dan pihak bertanggungjawab mengenai tanggungjawab masing-masing dan hak serta keperluan sebenar OKU yang perlu dihormati dan dipenuhi.
- ii. Penghasilan dokumentari ini dengan jalinan kerjasama Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina di bawah MKBOKU dan Persatuan OKU Sentral bagi penghasilan dokumentari dua (2) episod untuk disiarkan di BERNAMA TV dengan tajuk utama OKU: Reka Bentuk dan Alam Sekitar.






Paparan dokumentari dua (2) episod yang bertajuk OKU: Reka Bentuk & Alam Sekitar

Objektif pelaksanaan bengkel adalah meningkatkan kesedaran dan kefahaman pegawai JKMN dan PKMD di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Melaka, pegawai di kementerian berkaitan, pegawai teknikal Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Kerja Raya terutama Arkitek, Penolong Arkitek, Jurutera, Penolong Jurutera dan Juruteknik yang ditugaskan untuk menyemak pelan bangunan dan penguatkuasaan.

Program ini telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina dengan kerjasama Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Bengkel ToT bagi WPKL telah berlangsung pada 6 dan 7 April 2021 dan pelaksanaan Audit Akses pada 6 April 2021 seperti berikut:

- i. SK Taman Koperasi Polis;
- ii. SMK Batu Muda;
- iii. SMK Desa Perdana;
- iv. Masjid Sultan Haji Ahmad Shah;
- v. Bangunan Research Management Centre (RMC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; dan
- vi. Bangunan PAM Centre.




Bengkel *Training of Trainers (ToT)* dan Audit Akses dalam Persekutuan Alam Bina di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL), Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Melaka Tahun 2021

4.6.2.2 Bengkel *Training of Trainers (ToT)* dan Audit Akses dalam Persekutuan Alam Bina di Perak, Johor dan Terengganu Tahun 2022


Objektif pelaksanaan bengkel adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan kesedaran dan kefahaman pegawai JKMN dan PKMD di Perak, Johor dan Terengganu, pegawai di kementerian berkaitan, pegawai teknikal Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Kerja Raya terutama Arkitek, Penolong Arkitek, Jurutera, Penolong Jurutera dan Juruteknik yang ditugaskan untuk menyemak pelan bangunan dan penguatkuasaan.

Program ini telah dilaksanakan dengan kerjasama Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina di bawah Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya dengan kerjasama Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang melibatkan 15 premis keseluruhannya bermula 13 Julai hingga 27 Julai 2022.



Bengkel Training of Trainers (ToT) dan Audit Akses dalam Persekutuan Alam Bina di Perak, Johor dan Terengganu Tahun 2022



5.0

PROGRAM
BERKAITAN ADVOKASI
OLEH ANGGOTA
(INDIVIDU) MKBOKU

5.1. PELAKSANAAN PROGRAM BERKAITAN ADVOKASI OLEH ANGGOTA (INDIVIDU) MKBOKU

5.1.1 Program Advokasi Keibubapaan OKU Mental bagi Melahirkan Ibu Bapa OKU Berinfomasi dengan Kerjasama Anggota (Individu) MKBOKU dan Program MENTARI; Persatuan Kebajikan dan Pendidikan Psikiatri Hospital Selayang Selangor

Program Advokasi Keibubapaan OKU Mental dengan Kerjasama Anggota MKBOKU bagi Melahirkan Ibubapa OKU Berinformasi telah diadakan pada 16 Oktober 2022 di Dewan B, Kompleks Selayang Capitol Selangor. Program ini diadakan bertujuan mencapai objektif berikut:

- i. Mewujudkan sokongan bagi para penjaga OKU Mental bagi mewujudkan ‘natural support’ yang lebih kukuh untuk membolehkan OKU Mental berintegrasi-semula ke dalam masyarakat dengan lebih berkesan;
- ii. Meningkatkan kesedaran serta pengetahuan asas kepada para penjaga berkaitan kurang upaya mental serta integrasi semula dalam masyarakat menggunakan pendekatan penyembuhan melalui pekerjaan;
- iii. Berkongsi tentang program sokongan keluarga dan pesakit yang terdapat di Pusat Kesihatan Mental Komuniti, MENTARI seluruh negara dan call of action bagi para penjaga untuk meningkatkan kapasiti dan peluang pekerjaan bagi OKU Mental; dan
- iv. Mewujudkan kerjasama inter-agensi menggunakan platform program MENTARI bagi merealisasikan agenda perangkuman orang kurang upaya di Malaysia.

Program ini telah dilaksanakan secara dalam talian dan bersemuka. Seramai 42 orang terdiri peserta telah hadir bersemuka dan 117 orang telah mengikuti program secara virtual. Program ini telah menarik minat pakar dalam bidang psikiatri; pegawai perubatan, pegawai yang terlibat dalam program *Circle Of Hope* serta ahli keluarga yang mempunyai anak OKU Mental untuk turut serta dalam program ini.

Program ini telah dilaksanakan berbentuk forum dan pakar berkongsi tentang kesihatan mental seperti berikut:

- Ceramah 1: Sekilas pandang modul *Circle of Hope*;
- Ceramah 2: Pekerjaan dan Penyembuhan bagi Pesakit OKU Mental; dan
- Forum: Faedah, Tips dan Cabaran Alam Pekerjaan bagi OKU Mental.

- a. *Output Program:* Para penjaga OKU mental dapat memberikan sokongan untuk membolehkan OKU mental berintegrasi-semula ke dalam masyarakat dengan lebih berkesan.
- b. *Outcome Program:* Mengukuhkan program sokongan pekerjaan yang dijalankan di MENTARI di seluruh negara dan dijangka memberi impak kepada integrasi-semula OKU mental ke dalam masyarakat.



Forum Faedah, Tips dan Cabaran Alam Pekerjaan bagi OKU Mental



Kehadiran Peserta Program Advokasi Keibubapaan OKU Mental bagi Melahirkan Ibu Bapa OKU Berinfomasi dengan Kerjasama Anggota (Individu) MKBOKU dan Program MENTARI; Persatuan Kebajikan dan Pendidikan Psikiatri Hospital Selayang Selangor

5.1.2 Program Advokasi: *Run with Me: OKU Aktif, OKU Sejahtera dengan Kerjasama Anggota (Individu) MKBOKU dan Bahagian Kaunseling dan Pemerkasaan OKU Universiti Malaya*

Program *Run with Me: OKU Aktif, OKU Sejahtera dengan kerjasama Bahagian Kaunseling dan Pemerkasaan OKU Universiti Malaya* pada 7 Januari 2023 (Sabtu) bertempat di Stadium Arena, Universiti Malaya dengan penglibatan lebih 300 peserta.

i. Program ini diadakan bertujuan bagi mencapai objektif berikut:

- a. Meningkatkan kesedaran masyarakat bahawa OKU mempunyai hak untuk menyertai aktiviti rekreasi, santai dan sukan atas keserataan dengan orang upaya selaras dengan Seksyen 32 (1) Akta Orang Kurang Upaya 2008.
- b. Mengumpulkan komuniti OKU meliputi pelbagai kategori ketidakupayaan bersama ahli keluarga, rakan dan anggota masyarakat dalam satu program santai yang memberi manfaat kepada semua kerana ia menjadi salah satu saluran advokasi untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran akan kehadiran OKU sebagai sebahagian daripada masyarakat.
- c. Meningkatkan kefahaman masyarakat akan kesan prasarana dan persekitaran yang tidak mesra OKU boleh mempengaruhi mereka daripada sudut dalaman (psikologi) dan luaran (psiko sosial) termasuk budaya hidup.
- d. Memahami punca dan situasi yang menjadi penyebab timbulnya isu ketidakupayaan iaitu ignorance dan sikap ambil mudah dalam pembinaan dan penyediaan kemudahan OKU.
- e. Menyediakan perancangan dan tindakan susulan bagi membolehkan OKU diintegrasikan ke dalam masyarakat dengan adanya persekitaran yang inklusif menyokong penyertaan mereka dalam aktiviti rekreasi, santai dan sukan selaras dengan Seksyen 32 (1) Akta Orang Kurang Upaya 2008.

ii. Hasil pelaksanaan program seperti berikut:

- a. Peserta OKU boleh melihat kemudahan rekreasi dan sukan yang disediakan di Universiti Malaya dan laluan larian yang boleh diakses.
- b. Semua peserta termasuk peserta OKU dapat bergaul bersama dalam masyarakat tanpa rasa tersisih dengan limitasi diri.

iii. Output program:

- a. Semua peserta didedahkan dengan pengetahuan mengenai hak OKU untuk menyertai aktiviti rekreasi, santai dan sukan atas keserataan dengan orang upaya selaras dengan Seksyen 32 (1) Akta Orang Kurang Upaya 2008.
- b. Peserta bukan OKU dapat melakukan aktiviti rekreasi sendiri pada masa hadapan.

The poster features the Universiti Malaya logo at the top left. The main title 'PROGRAM LARIAN BERSAMA OKU' is in large, bold, yellow and orange letters, with the subtitle 'Run With Me' in a stylized font below it. A pink and yellow abstract background is behind the text. Below the title, a section titled 'MAKLUMAT PROGRAM' lists the date (07 Januari 2023), time (7.00 pagi - 11.00 pagi), and location (Stadium Arena, Universiti Malaya). A call-to-action box encourages participation and mentions prizes like certificates and medals. To the right, four icons represent accessibility: a wheelchair, a brain, a hand, and a person with a cane. A QR code is provided for registration information. The bottom section credits the organizing committee, including MBOKU and the Department of Counseling & Development.

PROGRAM LARIAN BERSAMA OKU
Run With Me

MAKLUMAT PROGRAM

Tarikh : 07 Januari 2023 (Sabtu)
Masa : 7.00 pagi - 11.00 pagi
Tempat : Stadium Arena, Universiti Malaya

Jom sertai dan dapatkan kit peserta iaitu:

- Hadiah Menarik
• (Tempat pertama - Ketiga)
- T-Shirt
- Sijil Penyertaan
- Merit - Bagi Pelajar UM
- Medal (Finisher)
- Kit Makanan

Anjuran:
Bahagian Kaunseling & Pemerkaasan OKU
Jabatan Sumber Manusia, Universiti Malaya

Dengan Kerjasama:
Ahli Individu
Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MBOKU)

Pendaftaran & Maklumat Program

Maklumat lanjut, sila hubungi:
En Muhammad Firdaus Abu Hassan
Telefon : 03-7967 3450/3352/5244
Email : firdaus_hassan@um.edu.my

Run With Me

Poster Program Advokasi: *Run with Me*: OKU Aktif, OKU Sejahtera dengan Kerjasama Anggota (Individu) MKBOKU dan Bahagian Kaunseling dan Pemerkaasan OKU Universiti Malaya

6.0

SEKRETARIAT MAJLIS
KEBANGSAAN BAGI
ORANG KURANG
UPAYA



Encik Zuhami bin Omar
Pengarah
Jabatan Pembangunan Orang Kurang
Upaya (JPOKU)



Puan Noryanti binti Mahbub
Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Pembangunan Orang Kurang
Upaya (JPOKU)



Puan Norasnida binti Nordin
Ketua Penolong Pengarah
Jabatan Pembangunan Orang Kurang
Upaya (JPOKU)



Puan Merryharyaty binti Mohd Nasir
Pembantu Tadbir
Jabatan Pembangunan Orang Kurang
Upaya (JPOKU)



**Puan Sharifah Hafizah binti Saad
Hassan**
Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Pembangunan Orang Kurang
Upaya (JPOKU)



Puan Anizan Azma binti Abdul Latif
Pembantu Operasi
Jabatan Pembangunan Orang Kurang
Upaya (JPOKU)



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
ARAS 6,9-18, NO. 55, PERSIARAN PERDANA,
PRESINT 4, 62100 PUTRAJAYA
TEL: 03-8323 1656 / 03-8323 1658 | FAKS: 03-8323 2094



JKMHQ



JKMHQ



jkmhq

www.jkm.gov.my

